



Waspada hadapi musim banjir

Kadaan cuaca yang tidak menentu di hampir semua negeri menandakan kita sedang memasuki musim tengkujuh dan sudah semestinya masalah banjir mencetuskan kebingungan dalam kalangan anggota masyarakat. Malah, di Kelantan misalnya gelombang pertama banjir dikatakan baru berakhir dan sedang bersiap siaga untuk menghadapi gelombang kedua. Walaupun banjir bukan masalah baru di negara kita tetapi masih ramai yang leka dan lalai ketika berhadapan dengan masalah yang mengancam keselamatan diri, keluarga dan juga harta benda ini.

Hampir setiap musim banjir kita akan disajikan dengan kes kehilangan nyawa di samping pelbagai kerugian harta benda. Betul, semuanya berlaku kerana takdir tetapi sekurang-kurangnya kita boleh berikhtiar dan ambil langkah berjaga-jaga untuk meminimumkan musibah yang bakal melanda. Jadi sebagai peringatan bersama marilah kita meneliti beberapa langkah keselamatan yang wajar kita ambil, ikuti dan amalkan seperti yang dinasihatkan Angkatan Pertahanan Awam (APM) yang menjadi antara tonggak utama dalam misi bantuan bencana di negara kita.

Secara prinsipnya kita sudah tahu tempat yang biasa mengalami masalah banjir pada setiap musim tengkujuh. Jadi sewajarnya penduduk di kawasan terbabit lebih bersedia supaya dapat mengurangkan kesan musibah tersebut. Buatlah persiapan yang diperlukan seperti menyimpan dokumen penting di tempat yang selamat, menyelamatkan harta benda yang mudah dialihkan ke tempat lebih tinggi, menyimpan bekalan makan yang mencukupi serta bersedia untuk pindah sementara ke tempat yang lebih tinggi jika diperlukan. Ini sepatutnya menjadi amalan rutin penduduk di kawasan yang 'pasti' akan kena banjir seperti di Kelantan dan Terengganu. Jangan sesekali leka dalam persiapan awal ini.

Di samping itu, antara persediaan lain yang wajar dibuat sebelum banjir berlaku ialah, sentiasa peka dengan keadaan cuaca, dengar hebahan daripada pihak berkuasa dan sentiasa berhubungan dengan bilik gerakan banjir negeri atau daerah yang berhampiran. Pastikan nombor talian penting sentiasa berada dalam simpanan kita. Sebagai tambahan kita juga boleh ambil inisiatif untuk belajar sedikit dengan mengenali sistem amaran banjir, petunjuk alam sekitar seperti hujan lebat, ketinggian paras bahaya air serta sejarah banjir di kawasan kita. Kita juga wajar sentiasa membersihkan longkang dan lubang yang boleh menjadi halangan dan

mencetuskan banjir termasuk banjir kilat.

Aspek keselamatan diri dan keluarga sepatutnya menjadi agenda utama semua penduduk yang menerima musibah bah ini. Selama ini sudah banyak kes kehilangan nyawa dilaporkan ketika musim banjir jadi jangan biarkan perkara ini berulang lagi pada tahun ini. Sebagai persediaan awal elok kita ambil inisiatif untuk belajar teknik pertolongan cemas dan CPR dan pastikan ahli keluarga juga mahir tentang perkara ini serta tahu cara untuk bertindak semas kecemasan di rumah. Mengikut pihak berkuasa kita juga dinasihatkan untuk menyediakan beg kecemasan kalis air yang boleh mengandungi air minuman, makanan, wang tunai, ubat, pakaian, dokumen penting serta peralatan lain yang difikirkan sesuai yang boleh dicapai dan dibawa bersama ketika bah melanda secara mengejut.

Kita juga perlu sentiasa bersedia untuk pindah. Dalam banyak kejadian sebelum ini dilaporkan ada penduduk yang berdegil tidak mahu pindah dengan pelbagai alasan dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Kita patut pindah mengikut nasihat pihak berkuasa sementara ada peluang dan sebelum terlambat. Ingat banjir kilat boleh berkembang

dengan cepat jadi jangan tunggu sehingga air meningkat ke tahap bahaya. Ahli keluarga juga perlu bincang mengenai pelan bencana keluarga, misalnya perlu buat keputusan di mana anda akan bertemu jika terpisah dan tentukan orang hubungan yang boleh dicapai jika ahli keluarga terpisah dengan memastikan setiap ahli keluarga mempunyai maklumat kenalan terbabit.

Kita memahami perasaan mangsa banjir yang memikirkan keselamatan harta benda jika perlu pindah, namun ingat harta benda boleh dibeli dan dicari ganti tapi nyawa tidak. Apa pun jika sempat pindahkan barang berharga dan perabot ke tempat yang lebih tinggi, juga pindahkan bahan berbahaya seperti minyak dan racun perosak ke tempat yang lebih tinggi dan jangan lupa untuk putus sambungan peralatan elektrik.

Ketika banjir melanda segera selamatkan diri dan sebelum keluar dari rumah, kunci semua pintu dan tingkap serta tutup air, gas dan elektrik. Waktu yang paling penting ialah ketika peringkat awal banjir di mana kita perlu mendengar nasihat pihak berkuasa. Seboleh-bolehnya pindah awal dan pindah pada waktu siang supaya lebih mudah dan selamat dan mesti ikut laluan yang ditetapkan pasukan penyelamat.

Demi keselamatan nyawa jangan

sesekali membiarkan anak-anak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, tali air dan sungai. Juga jangan berenang atau berjalan melalui air yang bergerak deras kerana boleh membuatkan kita jatuh, hanyut dan lemas. Air banjir juga boleh menyebabkan pelbagai penyakit jadi pastikan ahli keluarga kita berhati-hati dan tidak bermain air termasuk jangan sesekali minum air banjir. Sebagai peringatan, jika seseorang jatuh atau terperangkap dalam air jangan cuba menyelamatkan mangsa jika kita tiada pengalaman, pengetahuan serta peralatan yang diperlukan. Sewajarnya kita segera laporkan kejadian tersebut kepada pasukan penyelamat.

Kita juga perlu mengetahui proses penginapan di pusat pemindahan, misalnya kita perlu segera mendaftar diri dan keluarga untuk tujuan rekod dan agihan bantuan. Di pusat pemindahan kita perlu kenal pasti pintu keluar dan masuk untuk tujuan kecemasan serta kemudahan asas lain yang ada seperti kedudukan tandas dan bilik mandi, tempat agihan makanan, bilik pertolongan cemas serta bilik penerangan tentang status semasa banjir.

Di samping itu kita juga wajar membantu pasukan penyelamat dalam pengurusan pusat pemindahan seperti memasak dan

membersihkan kawasan. Semua yang berada di situ adalah mangsa banjir sama seperti kita jadi perlu kekalkan keharmonian, jaga emosi, sentiasa bertolak ansur serta tidak berebut-rebut ketika bantuan tiba. Sentiasalah menjaga keselamatan ahli keluarga dan penghuni lain serta dengar dan patuh pada arahan pihak berkuasa.

Antara langkah selepas banjir pula ialah jangan terlalu cepat kembali ke rumah sebaliknya dengar dulu arahan dan nasihat daripada pihak berkuasa supaya dipastikan rumah dan kawasan kita benar-benar selamat. Jangan sesekali memasuki bangunan jika ia masih ditenggalami air atau dikelilingi air banjir. Perlu sentiasa jaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan kerana banyak ancaman dan bahaya tersembunyi akibat daripada banjir ini.

Ingatlah sentiasa sebagaimana api ketika kecil menjadi kawan dan bila besar menjadi lawan, begitu juga dengan banjir. Jadi waspadalah menghadapi musim banjir ini dan pastikan kita sentiasa mengutamakan keselamatan diri dan keluarga. Sama-sama kita berdoa agar seluruh rakyat Malaysia dilindungi dari musibah seperti ini.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

